

Penggunaan Rutin Berfikir Melangkah ke Dalam dalam Pengajaran Karangan

Fadhillah Md Hussin

fadhillah_md_hussin@moe.edu.sg

Hasimah Hasim


Hasimah_hasim@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Princess Elizabeth

Abstrak

Murid-murid sering menghadapi kesukaran untuk menghasilkan dan mengembangkan idea semasa menulis karangan. Ketidakupayaan mereka dalam penulisan ini sering disebabkan oleh ketandusan idea. Justeru menghambat keupayaan murid-murid menulis karangan yang baik. Kajian ini dilakukan untuk melihat keberkesanan rutin berfikir Melangkah ke Dalam yang disarankan pendekatan Menjadikan Pemikiran Jelas atau *Making Thinking Visible* (MTV) bagi menjana idea dan berfikir secara kritis. Kajian ini melibatkan 42 orang murid Darjah 2. Dapatan kajian menunjukkan murid berhasil menjana idea dengan baik dan membina ayat yang mudah dalam penulisan karangan mereka.

Kata Kunci: rutin berfikir, menjana idea, karangan, kamahiran berfikir, penulisan karangan



PENGENALAN

Budaya berfikir perlu dipupuk dalam diri murid-murid bagi merangsang mereka untuk berfikiran luas dan tersusun. Justeru, guru harus mewujudkan budaya berfikir dalam kalangan murid-murid di bilik darjah. Dengan adanya usaha membina budaya berfikir menggunakan alat seperti rutin berfikir, murid-murid dapat didorong untuk berfikir dan meneliti sesuatu topik dan belajar mengenainya dengan lebih mendalam. Dalam buku *Making Thinking Visible* oleh Ritchhart, Morrison & Church (2011), terdapat matriks rutin-rutin berfikir yang pelbagai. Rutin berfikir yang diketengahkan bukan sahaja memerlukan murid-murid meneroka idea, malah mensintesis, menyusun dan mengupas idea dengan lebih mendalam. Melalui rutin-rutin berfikir, guru dapat meneroka cara-cara untuk menggalakkan murid-murid agar mengembangkan keupayaan mereka berfikir.

PERNYATAAN MASALAH


Murid-murid sering menghadapi kesukaran untuk menghasilkan dan mengembangkan idea semasa menulis karangan. Kekurangan upaya berfikir antara lain telah menghambat kebolehan murid-murid ketika menulis karangan. Ini menjejaskan prestasi mereka. Guru-guru bahasa Melayu bersetuju bahawa kebolehan menjana idea dapat membantu menghasilkan karangan yang baik. Justeru, langkah ini dipercayai perlu dimulakan dari peringkat rendah bawah, iaitu Darjah 2

Guru-guru berharap dengan membimbing murid-murid menjana idea dengan menggunakan rutin berfikir Melangkah ke Dalam (MkD) dari peringkat awal, murid-murid mampu membina keupayaan berfikir, seterusnya berjaya berfikir secara kreatif apabila diberikan sesuatu topik atau gambar. Membina kemahiran berfikir murid-murid di peringkat Darjah 2 ini ialah satu permulaan yang baik dan penting sebelum murid-murid dibimbing untuk menghasilkan karangan di peringkat selanjutnya.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. melihat keberkesanan rutin berfikir MkD , untuk membina minda murid;
2. meninjau keupayaan murid untuk menjana idea dengan menggunakan



- rutin berfikir MkD; dan
3. menggalakkan murid untuk berfikir secara kritis semasa proses pembelajaran Bahasa Melayu.

KAJIAN LEPAS


Menurut Tishman dan Perkins (1997), melalui teori dan kajian, pemikiran berfikir ialah kecenderungan atau kebiasaan terhadap intelektual tertentu, seperti kecenderungan untuk menjadi reflektif, mencari alasan atau bersikap intelektual. Dengan adanya kaedah menjadikan pemikiran jelas, rutin berfikir dapat memandu proses pemikiran murid dan menggalakkan mereka berfikir secara nyata dan jelas.

Ternyata, kaedah menjadikan pemikiran jelas ini sangat bermanfaat dalam pengajaran guru. Nurhiza Mohamed dan Nurul Hidana Ahmad (2017) telah menjalankan satu kajian bertajuk Penggunaan Rutin Berfikir dalam Pengajaran Golongan Kata (2017). Menurut kajian tersebut, rutin berfikir Nyatakan-Sokong-Soal (NSS) telah digunakan untuk membantu murid-murid Darjah 5. Rutin ini memupuk kemahiran berfikir aras tinggi. Murid-murid dapat memberikan jawapan yang tepat dengan memberikan bukti untuk menyokong jawapan pilihan mereka.

Farhati Kamsani dan Nur Ain Mohamed Amin (2016) telah menggunakan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya (FTT) bagi pengajaran perbualan berkaitan dengan gambar untuk komponen lisan. Rutin berfikir FTT telah membantu murid-murid berfikir secara kritis dan kreatif.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menerapkan rutin berfikir Melangkah ke Dalam (MkD). Kajian ini dijalankan berdasarkan pemantauan dan pemerhatian guru terhadap kelakonan murid-murid dalam penulisan karangan. Rutin berfikir membantu membina perspektif atau pemikiran murid untuk mengupas idea dengan lebih mendalam. Rutin berfikir MkD telah digunakan sebagai instrumen kajian. Kaedah pengajaran ini merupakan kaedah pengajaran yang berstruktur dan melibatkan penyertaan aktif murid dalam proses pembelajaran. Kajian ini turut menggunakan strategi pembelajaran kooperatif Meja Bulat, strategi pembelajaran Lintas Galeri, strategi *Hot Seat* dan menerapkan penilaian formatif menggunakan *FAST kits* agar pembelajaran menjadi lebih menarik dan berkesan.



Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada murid-murid Darjah 2 Bahasa Melayu yang berada dalam tahap pelbagai keupayaan. Jumlah keseluruhan murid yang terlibat ialah 42 orang. Pemilihan subjek bagi peringkat ini dilakukan untuk melatih dan mempersiapkan murid bagi menghasilkan idea dalam penulisan karangan sebelum melangkah ke peringkat Darjah 3.


Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang telah digunakan ialah alat rutin berfikir MkD. MkD mengajak murid melangkah ke sesuatu situasi, kemudian menulis daripada perspektif tersebut bagi memperdalam pemahaman tentang aktiviti yang dibincangkan. Guru mengambil kira pemahaman murid melalui penggunaan rutin berfikir MkD. Tugas kerja berkumpulan dan Lintas Galeri memberikan peluang kepada murid untuk berkongsi pemikiran dalam kalangan mereka. Kedua-dua strategi yang dijalankan ini diharapkan dapat meningkatkan keupayaan murid untuk menjana idea dengan menggunakan rutin berfikir: MkD berdasarkan soalan yang diberi.

Prosedur Kajian

Kajian ini dilaksanakan sebanyak dua kali putaran. Penyesuaian telah dilakukan pada kitaran yang kedua berdasarkan pemerhatian guru dan respons murid. Pada awal pengajaran karangan, guru memulakan pelajaran dengan menayangkan rakaman video bagi merangsang minat murid terhadap topik pelajaran. Guru kemudian membimbing murid untuk menghasilkan percikan kata berdasarkan tayangan klip video yang telah ditonton bagi mengenalkan kosa kata yang sesuai untuk topik karangan yang bakal dihasilkan.

Tugas berkumpulan pula telah menggunakan pembelajaran kooperatif Meja Bulat dijalankan bagi memastikan setiap ahli kumpulan mengambil bahagian dan menyumbangkan idea kepada kumpulan masing-masing. Kemudian, aktiviti Lintas Galeri dijalankan. Melalui aktiviti ini, murid dapat mempelajari dan memperkayakan kosa kata dan idea bagi membantu menghasilkan karangan kelak. Strategi *Hot Seat* pula merupakan aktiviti susulan. Melalui aktiviti ini, seorang watak utama dilantik untuk mengambil tempat di *Hot Seat* bagi menceritakan pengalaman berdasarkan cerita yang telah disiapkan oleh guru. Kemudian, guru juga mendapatkan murid-murid lain untuk bertanyakan soalan



dengan penggunaan Kata Tanya kepada watak utama tersebut. Watak utama harus menjawab soalan-soalan yang diajukan dengan melangkah ke dalam pandangan dan lensa watak utama.


Guru seterusnya memberikan lembaran kerja dalam bentuk kemahiran menulis kepada setiap murid. Guru membimbing murid menyelesaikan tugas mereka. Setiap kali seseorang murid selesai memberikan respons secara lisan, murid-murid lain akan menggunakan *FAST kit* dan memamerkan warna hijau untuk menandakan mereka faham akan soalan yang dikemukakan dan setuju dengan jawapan yang diberi. Warna merah pula akan ditunjukkan sekiranya murid bermaksud sebaliknya atau sekiranya murid mempunyai sebarang masalah untuk memahami soalan yang sedang diutarakan ketika aktiviti itu dijalankan.

Melalui semua aktiviti yang dijalankan murid dapat menghasilkan karangan. Keberkesanan rutin berfikir MkD ini dapat dilihat menerusi analisis dapatan kajian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan pemerhatian guru dan hasil kerja murid bagi kedua-dua kitaran yang dijalankan, dapatan kajian menunjukkan murid berupaya berfikir dan menjana idea bagi tugas menyelesaikan karangan berdasarkan rutin berfikir MkD. Soalan-soalan panduan yang diberikan dapat membantu murid menghasilkan cerita secara tersusun dan jelas.


Dapatan kajian juga menunjukkan kesungguhan murid untuk mengikuti, memahami dan menggunakan rutin berfikir MkD dengan sebaik mungkin. Menerusi kitaran pertama yang menyentuh tentang pelajaran 'Di Pusat Makanan', murid menunjukkan pemahaman yang baik dan kreativiti dengan memberikan idea yang menarik. Pada peringkat Darjah Dua, murid boleh meluaskan pemikiran mereka dengan menggunakan rutin berfikir: MkD. Berikut ialah Jadual 1 dan 2 yang memaparkan contoh hasil penulisan murid.



Jadual 1 : Contoh Karangan Murid dalam Pelajaran Di Pusat Makanan

| | Ayat 1: Di manakah Hani berada? | Ayat 2: Siapakah yang pergi bersama Hani? | Ayat 3: Apakah gerai yang dapat Hani lihat? | Ayat 4: Mengapakah Hani suka pergi ke situ? |
|--|--|--|--|--|
| | Hani berada di ... | Hani pergi bersama... | Hani dapat lihat... | Hani suka pergi ke situ kerana... |
| Watak utama (berdasarkan cerita yang di- siapkan guru) | Pusat Makanan Princess Elizabeth. | keluarga dan kawan. | gerai sate dan mi, gerai nasi ayam dan ge- rai minuman. | tempat itu bersih dan makanan yang dijual sedap. |
| Contoh Cerita A | Pusat Makanan Geylang Serai | keluarga dan kawan-kawan | gerai minu- man, nasi lemak dan mi soto | tempat itu bersih dan cantik |
| Contoh Cerita B | Pusat Makanan Jurong West | kakak saya bernama Nurin | gerai nasi lemak | nasi lemak itu sungguh sedap |
| Contoh Cerita C | Pusat Makanan Vivo City | emak, nenek, datuk, sepupu dan sauda- ra-mara | gerai nasi ayam, sate dan lain-lain | tempat itu baru sahaja dibuka |
| Contoh Cerita D | Pusat Makanan Nasi Padang | kawan-kawan | gerai yang menjual ban- yak makanan | ada menjual makanan yang saya suka |

Kitaran kedua pula menyentuh tentang pelajaran 'Aktiviti Sekolah Kami'. Setiap murid berpeluang mencatatkan jenis aktiviti yang dilakukan di sekolah secara bergilir-gilir. Tugasan yang menerapkan pembelajaran kooperatif ini menggalakkan murid untuk membina idea.



**Jadual 2 : Contoh Karangan Mudah Murid dalam Pelajaran
Aktiviti Sekolah Kami**


| | Ayat 1: Apakah aktiviti di sekolah yang pernah Aadyn lakukan? Aadyn pernah ... | Ayat 2: Bilakah Aadyn lakukan aktiviti sekolah itu? Aadyn melakukan aktiviti itu pada... | Ayat 3: Di manakah Aadyn lakukan aktiviti sekolah itu? Aktiviti itu dilakukan di ... | Ayat 4: Mengapakah Aadyn lakukan aktiviti sekolah itu? Aadyn melakukan aktiviti itu kerana... |
|--|---|---|---|--|
| Watak utama (berdasarkan cerita yang disiapkan guru) | menari | bulan Julai 2017 | atas pentas di dewan sekolah | dia mengam- bil bahagian dalam konsert hari raya di sekolahnya |
| Contoh Cerita A | bermain bola sepak | bulan Ogos 2016 | padang | saya suka bermain bola sepak |
| Contoh Cerita B | berlakon menjadi arnab dan kura-kura | bulan Julai | bilik darjah | ada budak- budak hendak tengok |
| Contoh Cerita C | melukis | waktu kelas lukisan | dalam bilik darjah | kawan saya suka lukisan saya |
| Contoh Cerita D | membuat Unjuk dan Ujar | waktu kelas bahasa Me- layu | dalam bilik darjah | mahu berkongsi cerita |

Berdasarkan Jadual 2, kita dapat menyimpulkan bahawa murid dapat menjana idea menggunakan rutin berfikir MkD dengan positif dan dapatan ini amat menggalakkan. Walau bagaimanapun, semasa hendak melakukan aktiviti menulis karangan mudah ini, guru mendapati bahawa terdapat murid yang menghadapi kesukaran untuk mengeja perkataan atau menyatakan idea mereka dengan penggunaan bahasa Melayu. Penjanaan idea memang dapat dilakukan oleh murid-murid tetapi mereka didapati menghadapi kesukaran untuk





mencatatkannya dalam bahasa Melayu dan perlu mengambil masa yang lebih sedikit. Setelah dibimbing guru, murid berjaya mengemukakan pandangan ringkas dan melengkapkan jalan cerita masing-masing.

Rajah 1: Hasil Kerja Murid 1



1. Saya suka melukis.
2. Saya melakukan aktiviti itu pada waktu kelas lukisan.
3. Aktiviti itu dilakukan di dalam bilik darjah.
4. Saya melakukan aktiviti itu kerana kawan saya suka lukisan saya.

Rajah 2: Hasil Kerja Murid 2



1. Saya pernah berlakon menjadi arnab dan kura-kura.
2. Saya melakukan aktiviti itu pada bulan Julai.
3. Aktiviti itu dilakukan di dalam bilik darjah.
4. Saya melakukan aktiviti itu kerana kawan-kawan saya suka melihat saya berlakon.

Berdasarkan penilaian sendiri, guru dapat melihat keupayaan murid untuk memahami soalan-soalan yang terdapat dalam tugas rutin berfikir MkD. Soalan-soalan tersebut berjaya membimbing setiap murid untuk menjana idea dan seterusnya menghasilkan karangan masing-masing. Dapatan menunjukkan lebih 50% murid memahami soalan yang diberi dengan sangat baik. 45% murid pula boleh memberi jawapan yang diminta dengan sangat baik. Keupayaan murid untuk menggunakan kosa kata yang sesuai dengan cemerlang pula, mencatat peratusan sebanyak 45% murid.


Jadual 3 : Penilaian Kendiri

| Saya boleh... | | ☆☆☆ | ☆☆ | ☆ |
|---------------|------------------------------------|-------|-------|-------|
| 1 | memahami soalan | 54.8% | 23.8% | 14.3% |
| 2 | memberi jawapan yang betul | 45% | 35.7% | 19% |
| 3 | menggunakan kosa kata yang sesuai. | 45% | 38.1% | 16.7% |

KESIMPULAN

Pelibatan murid dalam pelajaran ini diberikan tumpuan utama. Hal ini penting agar pemikiran secara berstruktur mengikut rutin berfikir dapat dilaksanakan dengan jelas dan sempurna. Oleh itu, strategi pembelajaran kooperatif dan lintas galeri telah dapat membantu meluaskan serta memudahkan murid menjana idea semasa latihan sendiri mengikut rutin berfikir MkD.

Guru perlu membimbing murid dengan teratur ketika aktiviti soal jawab dijalankan menggunakan strategi *Hot Seat*. Aktiviti ini juga penting kerana soalan-soalan yang diajukan itulah yang akan memandu murid dalam proses menjana idea untuk menghasilkan cerita mudah mereka berdasarkan rutin berfikir MkD.



Guru memainkan peranan untuk menggalakkan murid berfikir dengan lebih kritis, supaya murid meluaskan idea mereka.

Secara keseluruhannya, rutin berfikir MkD ini telah membantu membina pemahaman murid tentang topik pelajaran dan rutin berfikir ini keberkesanan dalam membimbing murid menjana idea dan memberi pandangan masing-masing. Pengajaran karangan Darjah dua dengan menggunakan rutin berfikir MkD ini patut diteruskan kerana pendedahan awal bagi menghasilkan karangan memberikan kesan yang baik terhadap murid untuk terus berfikiran secara jelas, berstruktur, kritis dan kreatif.

RUJUKAN

Nurhiza Mohamed dan Nurul Hidana Ahmad (2017). Penggunaan rutin berfikir dalam pengajaran golongan kata dalam Prosiding Seminar Bahasa Melayu, Menyempurnakan Kata, Menyampaikan Makna, hlm 28-38. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Farhati Kamsani dan Nur Ain Mohamad Ain (2016). Penggunaan rutin berfikir dan iMTL untuk menggalakkan pembelajaran sendiri dalam Prosiding Seminar Bahasa Melayu, Menjana Inovasi Memarak Inspirasi, hlm. 429-440. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Ron Ritchhart, Mark Church & Karin Morrison (2011). *Making thinking visible: How to promote engagement, understanding, and independence for all learners*. San Francisco: Jossey-Bass.

